

SULIT

1103/2

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

2 JAM 30 MINIT

NAMA:

TINGKATAN:



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI PERAK**

**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2023
TINGKATAN 5**

BAHASA MELAYU

**KERTAS 2
2 JAM 30 MINIT**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN:

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga bahagian** : **Bahagian A, Bahagian B dan bahagian C.**
2. Jawab semua soalan.

Kertas ini mengandungi 11 halaman bercetak

**SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]**

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan **dua kata akronim** dan **dua kata ganda berentak**. Kemudian, anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Membaca pasti memberikan input kepada pembacanya. Hal ini pastinya bergantung pada jenis dan topik yang dibaca. Jika ilmu yang dibaca mendatangkan kebaikan, maka pembacanya lambat-laun akan mendapat ilmu yang berguna. Di sesebuah negara yang maju, secara purata rakyat yang membaca dianggarkan sejam sehari. Peningkatan jualan buku secara dalam talian terutama bahan bacaan berbentuk cerpen ketika negara berhadapan dengan pandemik COVID-19 pada tahun 2020 dan 2021 menunjukkan masyarakat Malaysia suka membaca. Usaha menjadikan Malaysia sebagai negara membaca menjelang tahun 2030 yang disasarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia seharusnya disemarakkan oleh semua pihak. Berbaki tujuh tahun sahaja lagi, impian itu harus dijelmakan bermula dari sekarang dan saki-baki tempoh ini harus selari dengan agenda Malaysia Madani.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bangsa yang Membaca'
oleh Fadhli Ali,
Dewan Masyarakat, Januari 2023
[8 markah]

- 2 *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian cerakin ayat-ayat yang bergaris dalam perenggan di bawah ini kepada ayat-ayat tunggal dengan mengekalkan maksud dan struktur asalnya.*

Nasi lemak dan teh tarik diibaratkan sebagai mercu tanda penyatuan bangsa Malaysia dalam masyarakat madani. Tidak lengkap seseorang itu sebagai warganegara Malaysia jika tidak menjamah nasi lemak dan mencicip air teh tarik ketika bersarapan. Tambahan pula, hidangan ini mudah didapati di tepi jalan mahupun di restoran. Sementara itu, fenomena mencicip air teh boba juga telah meresap masuk ke Malaysia. Teh yang dicampur dengan gula merah, susu segar dan yang istimewanya ditambah dengan bebola manis kecil yang enak dikunyah ketika mencicip air teh ini begitu digemari oleh para remaja. Kafe teh boba yang semakin popular turut mempunyai sentuhan hipster.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tarikan Teh Tarik di Hainan'
Dewan Bahasa, Mei 2023
[6 markah]

- 3 *Petikan di bawah mengandungi **pelbagai kesalahan bahasa**. Kenal pasti, senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan tersebut. Anda perlu menulis kesalahan-kesalahan yang dikenal pasti dan membuat pembetulannya. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.*

Penyakit mental antaranya berpunca daripada aspek fizikal individu. Setengah penyakit mental dikaitkan dengan ketidakseimbangan bahan kimia dalam otak, yang dinamakan pengutus saraf. Bila berlaku ketidakseimbangan dalam otak, maka sel-sel dalam otak tidak berfungsi. Faktor psikologi menyebabkan gangguan mental. Hal ini disebabkan oleh samada pesakit mungkin kurang berkeyakinan ataupun pesakit pernah melakukan kesilapan hingga bukan dimaafkan orang lain. Kesihatan mental di dorong oleh ketiadaan unsur psikopatologi seperti depressi dan kerisauan. Oleh itu, psikologi semulajadi harus menjadi pertimbangan. Konsep psikologi yang sihat muncul pada tahun 1990an. Pada masa itu, para penyelidik memfokuskan kesukaan dan emosi individu. Ahli psikologi menganggap aspek kesejahteraan sebagai eudaimonia, iaitu tanggapan keceriaan. Penyelidik pada masa kini mendapati beberapa elemen yang membentuk psikologi yang positif. Sikap yang positif yang dimaksudkan adalah setiap individu menerima diri seadanya pada masa lalu atau sekarang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sakit Mental dalam Kalangan Kanak-kanak'
oleh Ahmad Fikri Mohd Kasim
Dewan Kosmik, Jun 2021
[13 markah]

- 4 *Baca petikan bahasa Melayu Klasik di bawah dengan teliti. Kemudian, tulis semula petikan tersebut dalam **bahasa Melayu standard** tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.*

Adapun segala orang Siam yang kembali itu, telah ia sampai ke benua Siam, maka Awi Dicu pun masuk menghadap Paduka Bubunnya. Maka Paduka Bubunnya pun terlalu marah; maka ia sendiri hendak pergi menyerang Melaka itu. Maka ada seorang anak Paduka Bubunnya, Cau Pandan namanya. Maka ialah bercakap ke Bawah Duli Paduka Bubunnya hendak menyerang Melaka, sembahnya, "Duli Pra Cau, lengkapi patik, patiklah mengalahkan Melaka itu."

Dipetik daripada
Burung Terbang Dipipiskan Lada
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia
[4 markah]

- 5 Baca komik di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **dua peribahasa** yang terdapat dalam komik tersebut. Kemudian, anda dikehendaki membina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap peribahasa yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya.



[4 markah]

BAHAGIAN B – PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Penyakit jantung merupakan antara penyebab kematian di Malaysia dan dianggarkan 5,000 bayi yang dilahirkan mempunyai masalah jantung berlubang dan kongenital di negara ini setiap tahun. Berdasarkan laporan *The Direct Healthcare Cost of Noncommunicable Diseases in Malaysia*, dianggarkan RM3.93 bilion daripada jumlah keseluruhan RM9.65 bilion kos penjagaan kesihatan pada tahun 2017 diperuntukkan bagi *perbelanjaan merawat* pesakit jantung. Bagi mengelakkan penyakit ini, orang ramai dinasihatkan berusaha mencegahnya terlebih dahulu dengan mengamalkan gaya hidup sihat kerana perbelanjaan merawat penyakit ini bukan murah. Oleh sebab itu, lebih banyak yayasan diharapkan terus memberi sokongan dan mana-mana pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dapat menyumbang bagi membantu pesakit-pesakit ini. Yayasan MYPRIHATIN turut memberi sumbangan dana berjumlah RM100,000 kepada Tabung Institut Jantung Negara dan menyerahkan 50 hamper kepada pesakit jantung kanak-kanak di Wad Pediatrik IJN.

Dipetik dan diubah suai daripada
'5,000 Bayi Lahir dengan Masalah Jantung'
My Metro, 22 Mei 2023

Bahan 2

Sambutan Hari Jantung Sedunia pada tahun ini disambut dengan tema '*Sayangi Jantung dan Terus Berhubung*' (*Use Heart to Connect*), yang memfokuskan penggunaan teknologi digital dalam meningkatkan akses kepada kesedaran penyakit jantung dan risikonya di seluruh dunia. Pendekatan melalui teknologi digital ini berpotensi memangkin penyebaran ilmu pengetahuan kesihatan agar masyarakat dapat memantau kesihatan jantung dan memahami risiko-risiko penyakit jantung. Keadaan ini dapat meningkatkan liputan kesedaran kesihatan jantung kepada komuniti dan orang tersayang demi kesihatan yang lebih baik. Usaha ini diharapkan dapat menggalakkan masyarakat mengamalkan pemakanan yang lebih sihat untuk menjaga kesihatan jantung.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sayangi Jantung dan Terus Berhubung'
Kenyataan akhbar Kementerian Kesihatan Malaysia
sempena Hari Jantung Sedunia 2021

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *perbelanjaan merawat*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan cara-cara mengelakkan risiko penyakit jantung.
[3 markah]
- (iii) Kini, semakin ramai orang menghidap penyakit jantung pada usia muda. Keadaan ini amat membimbangkan pelbagai pihak.

Pada pendapat anda, apakah punca-punca seseorang individu menghidap penyakit jantung?
[3 markah]

- (iv) Rakan anda menghidap penyakit jantung dan sering tidak hadir ke sekolah. Dia juga sering kelihatan tidak bermaya.

Sebagai seorang rakan yang prihatin, apakah usaha-usaha yang dapat anda lakukan bagi membantu rakan anda?
[4 markah]

- 7 *Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Sekali lagi Hakim menghentikan lamunanku. Dia menjuih bibir isyarat menunjukkan ke arah ayah yang sedang berada di luar pagar sekolah. Melihat sahaja kelibat ayah, aku berlari pantas menuju ke arahnya lantas terus mendakap ayah seerat-eratnya. Ayah kelihatan sangat tercengang namun tidak pula ditolaknyaku. Dalam pelukan itu aku terasa nyaman dan tenang. Tanpa sedar air mataku rupanya sudah membasahi baju ayah.

"Humairah minta maaf, ayah. Humairah sayang ayah. Maaf, Humairah sudah jauh sangat daripada ayah selama ni. Humairah sudah tinggalkan ayah." Ayah tidak mengucapkan sepatah kata. Namun aku lihat matanya sudah merah. Aku meleraikan pelukan untuk memberikan laluan kepada ayah melihat Hakim yang sedang belajar rehat sendirian pada hari pertama persekolahannya.

Dipetik daripada
cerpen 'Anugerah Ayah'
oleh Saidatul Mazlina Najwa Mazlan,
Dewan Siswa, Bil. 07/2018

Bahan 2**Maafkan Aku, Ayah**

Dahulu,
telingaku berat menerima teguranmu
ingkar setiap arahanmu sehingga memilukan hatimu.

Bukan aku sengaja
menentang kewibawaanmu
mengingkari perintahmu
tetapi dunia yang berbeza
memisahkan kita.

Maafkan aku, ayah
pada saat aku tersungkur dalam hidup
engkau menyambutku dengan tangan terbuka
menerimaiku tanpa sebarang persoalan.

Kini,
aku sedar
betapa perbuatanku
bagai sembilu menghiris hatimu
bagai kacang melupakan kulit
sehingga menjadi anak derhaka.

Ayah,
akan kuubah dan bertaubat
setelah hanyut dalam dunia yang pura-pura
dibuai-buai impian kosong
yang menelan kemuliaan akhlak aku.

Maafkan aku, ayah
aku berjanji akan bangkit
menjadi insan berguna demi membalas jasmu.

TEO RUI ZHI

SMK Ledang, Tangkak

Puisi Siswa

Dewan Siswa, Bil. 09/2018

Bahan 3

“Kenapa kau pakai baju ni?! Kau tahu kan ni jubah siapa?! Tengking Arman kepada Zaki. Zaki yang ketakutan terus merentap tangannya daripada genggamannya Arman. Disebabkan tindakan drastiknya, Zaki hilang keseimbangan lalu jatuh ke atas lantai. “Zreek!” Jubah yang dipakai Zaki terkoyak di bahagian tepi badan. Arman yang melihat jubah arwah ayahnya terkoyak terasa ingin sahaja melempang Zaki. Darah yang tadinya panas terus mendidih. Tanpa berfikir panjang dia mencabut tali pinggang yang dipakainya. “Paapp” satu libasan terkena di kaki Zaki. Zaki meraung kesakitan dan berulang-ulang perkataan maaf yang pelat keluar daripada mulutnya. “Ayah mayaf, ayah mayaf yan Zyaki (Ayah maaf, ayah maafkan Zaki),” Zaki merintih di atas lantai sambil menangis.

“Kau ni hidup menyusahkan aku sahaja! Tengok apa yang dah kau buat?! Kau lahir dan menyusahkan aku sahaja!” Tengking Arman dalam amarahnya yang menggunung.

Dipetik daripada
cerpen 'Permata Syurga yang Hilang'
oleh Nurfarhana Syahzani,
Dewan Siswa, Bil.07/2019

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, apakah tindakan 'aku' setelah melihat ayahnya di luar pagar sekolah? [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, berikan sebab-sebab penulis memohon maaf kepada ayahnya. [3 markah]
- (iii) Manusia sering melakukan kesilapan. Sehubungan dengan itu, amalan memohon maaf harus dilakukan tanpa mengira masa, tempat atau dengan sesiapa sahaja.

Pada pendapat anda, apakah kebaikan-kebaikan memohon maaf kepada seseorang? [4 markah]

- (iv) Gejala sosial seperti lumba haram, penyalahgunaan dadah dan vandalisme semakin menular dalam kalangan murid. Sekiranya tiada tindakan segera sudah tentu hasrat kerajaan untuk melahirkan murid yang cemerlang akan terjejas.

Sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab, apakah tindakan yang perlu dilakukan sekiranya anak-anak terlibat dengan gejala sosial? [4 markah]

8 Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel *Tingkatan 4* dan *Tingkatan 5*.

(i) Baca petikan novel di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Ketiga, menggantikan lampu-lampu yang sedia ada kini dengan lampu yang mempunyai gelombang cahaya yang lebih rendah. Berdasarkan kajian dalam bidang scotobiology atau kajian tentang kesan kegelapan terhadap kitaran hidup manusia, haiwan dan tumbuhan menunjukkan bahawa gelombang cahaya yang terlalu tinggi bukan sahaja mengganggu kitaran haiwan yang aktif pada waktu malam dan tumbuhan dari segi pertumbuhan, pembiakan dan jadual mencari makan. Hal ini juga membawa kesan negatif terhadap kesihatan manusia. Manusia yang terdedah kepada cahaya yang terlalu terang akan mengalami tekanan darah yang lebih tinggi dan juga masalah kesuburan. Bahkan, para saintis scotobiology sedang menunggu sahaja pengesahan daripada kajian-kajian mereka sama ada keterdedahan melampau manusia moden kepada cahaya buatan sebagai faktor penyebab penyakit barah."

Dipetik daripada
novel *Bimasakti Menari*
karya Sri Rahayu Mohd Yusop
Kementerian Pendidikan Malaysia

Nyatakan keburukan-keburukan gelombang cahaya yang terlalu tinggi kepada haiwan dan manusia. [4 markah]

(ii) Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib
- b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor
- c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin
- d) Pantai Kasih, karya Azman Nordin
- e) Songket Berbenang Emas, karya Khairuddin Ayip
- f) Tirani, karya Beb Sabariah
- g) Silir Daksina, karya Nizar Parman
- h) Bimasakti Menari, karya Sri Rahayu Mohd Yusop

Berdasarkan **dua buah** novel yang telah anda pelajari, huraikan **dua** peristiwa menarik pada permulaan cerita bagi setiap novel.

[6 markah]

BAHAGIAN C : RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti **setiap bahan** yang diberikan, kemudian buat satu **rumusan** yang panjangnya **tidak melebihi 120 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Bahan 1

Dato' Hj. Pkharuddin Hj. Ghazali menjelaskan beliau mendapat inspirasi mengenai konsep "Anak yang Baik lagi Cerdik" ini apabila melihat kebanyakan pelajar menghadapi tekanan untuk mencapai prestasi akademik yang cemerlang dan ibu bapa pula dilihat sanggup memperuntukkan wang ringgit yang banyak untuk memastikan anak-anak mendapat keputusan yang cemerlang dalam bidang akademik namun kurang memberi penekanan dalam usaha melahirkan anak-anak yang mempunyai sahsiah yang baik.

Generasi muda perlu dipersiapkan dengan keperluan abad ke-21 sebagai generasi Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC). Murid-murid bukan sahaja datang ke sekolah untuk belajar tetapi dididik menjadi modal insan yang berilmu dan berakhlak mulia. Lantaran itu, sistem pendidikan kita sentiasa mengalami proses perubahan dan pembaharuan seiring peredaran zaman. Generasi ABC amat penting bagi mempersiapkan generasi muda dengan keperluan abad ke-21 ini.

Sasaran membawa negara mencapai standard pendidikan berkualiti pada peringkat antarabangsa perlu digalas oleh semua pihak. Pelbagai program telah diperkenalkan oleh KPM termasuklah program yang meningkatkan penglibatan ibu bapa dengan pembelajaran anak-anak bagi merealisasikan generasi Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC). Penglibatan komuniti dengan sekolah juga penting bagi menjayakan hasrat ini. Ibu bapa juga tidak boleh bersikap lepas tangan dan menyerahkan tanggungjawab pendidikan sepenuhnya kepada para guru dan sekolah. Ibu bapa perlu memastikan usaha yang dimulakan di sekolah akan diteruskan apabila anak murid pulang ke rumah supaya proses pengajaran dan pembelajaran dan pembentukan adab dapat dilakukan secara berterusan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'ABC Lahirkan Generasi Berilmu dan Berakhlak Mulia'
Berita Sarawak, Adam Yii, 3 Februari 2023

Bahan 2**Generasi Anak yang Baik lagi Cerdik**

Dalam rancak kita menongkah arus globalisasi
menajam minda anak bangsa
pasakkan di dada suci mereka
adab dan budaya bangsa
biar mendarah daging menjulang negara
generasi anak yang baik lagi cerdik
misi yang wajar diganding bersama seluruh warga.

AB RODZ

Taiping

Bahan 3**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**